



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**22 November 2022
27 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Penternak ikan sangkar siap sedia hadapi banjir
Harian Metro	• Ikat sangkar ikan
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			21	22.11.2022

Penternak ikan sangkar siap sedia hadapi banjir

Struktur diikat elak dihanyut arus deras

Oleh Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Sekumpulan penternak ikan sangkar di Kampung Pantai Ali, dekat sini, giat melakukan persiapan bagi menghadapi monsun timur laut yang biasanya membawa bencana banjir.

Ketua kelompok, Zakaria Ismail, 65, berkata terdapat 27 penternak ikan air tawar di kawasan itu dengan jumlah keseluruhan 250 sangkar.

Katanya, sangkar yang terletak di tebing Sungai Telemong itu biasanya akan berdepan arus deras dan peningkatan air sungai yang tinggi apabila tiba musim banjir.

"Oleh itu, penternak masing-masing mengambil langkah dengan mengikat struktur sangkar bagi mengelak dihanyutkan arus deras, selain pergerakan sangkar dari bahagian hulu menghentam sangkar yang berada di hilir.

"Selain itu, bongkah atau tunggul kayu juga mampu merosakkan struktur sangkar sekiranya tidak diikat dengan kemas," katanya yang menternak ikan sangkar di tebing Sungai Telemong sejak 20 tahun lalu.

Katanya, kerja mengikat sangkar sudah dilakukan sejak Ogos lalu dan kini hanya tinggal kerja akhir bagi memastikan struktur sangkar mampu menerima impak apabila berlakunya banjir.

Beliau berkata, anggaran keseluruhan kerugian akibat banjir luar biasa akhir Februari lalu iaitu RM1.5 juta dan dia sendiri yang mempunyai 36 sangkar mengalami kerugian RM140,000.



Zakaria melakukan kerja di atas sangkar ikan miliknya di Kampung Pantai Ali. (Foto Nazdy Harun/BH).

Zakaria berkata, bagi mengurangkan kerugian biasanya penternak akan menjual ikan yang sudah mencapai tahap berat, namun bukan semua yang dapat dijual memandangkan pelbagai saiz ikan berada di dalam sangkar.

Rugi RM80,000

Sementara itu, peserta, Zulkifli Ismail, 56, berkata dia juga mengambil langkah sama dengan mengikat struktur 12 sangkar miliknya bagi mengelak rosak akibat dihanyutkan arus deras.

"Saya sudah melakukan persiapan sejak Ogos dan September

lalu kerana bimbang sangkar hanyut dan merosakkan kolam milik peserta lain.

"Dalam kejadian banjir Februari, saya mengalami kerugian kira-kira RM80,000 apabila ikan di dalam lima kolam yang sudah boleh dipasarkan mati, selain dua kolam rosak," katanya.

Rakannya, Shamsudin Said, 52, berkata dia turut mengambil langkah mengikat lapan sangkar miliknya kerana pada kejadian banjir lalu dia mengalami kerugian kira-kira RM65,000.

"Biasanya kayu hanyut menghentam sangkar kami hingga ber-

laku kerosakan, selain arus deras yang mengakibatkan sangkar dari bahagian atas melanggar sangkar yang berada di bahagian lebih bawah sekiranya tidak diikat.

"Peserta sudah melakukan yang terbaik bagi mengurangkan impak kerugian akibat bencana, namun selebihnya kami bertawakal kepada Allah SWT," katanya.

Katanya, setiap kali tiba musim monsun timur laut, penternak akan mengambil langkah berjaga-jaga dengan membuat persiapan bagi mengelak sangkar mengalami kerosakan, selain ikan yang cukup saiz dijual terlebih dahulu.

Ribut petir, hujan lebat, angin kencang hingga Khamis

Kuala Lumpur: Ribut petir, hujan lebat dan angin kencang terutama pada sebelah pagi diramal berlaku di Pantai Barat Semenanjung sehingga Khamis ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Muhammad Helmi Abdullah, berkata ia berdasarkan analisis model cuaca.

"Penumpuan angin dijangka berlaku di Semenanjung Malaysia sehingga 24 November ini.

"Keadaan ini berpotensi menyebabkan pembentukan garis badai yang membawa bersama ribut petir, hujan lebat dan angin kencang terutama pada sebelah pagi di Pantai Barat Semenanjung," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, orang awam dinasihatkan sentiasa merujuk laman web www.maj.gov.my dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi myCuaca bagi maklumat yang terkini dan sahih.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		21	22.11.2022

PERSEDIAAN HADAPI MONSUN TIMUR LAUT

Ikatan sangkar ikan

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Kumpulan penternak ikan sangkar di Kampung Pantai Ali di sini, melakukan persiapan awal dengan mengikat sangkar ikan bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang membawa bencana banjir.

Ketua kelompok, Zakaria Ismail, 65, berkata, sangkar yang terletak di tebing Sungai Telemong, di sini, kebiasaannya akan berdepan arus deras dan peningkatan air sungai apabila tiba musim banjir.

"Oleh itu, penternak masing-masing mengambil langkah dengan mengikat struktur sangkar bagi mengelak ia dihanyutkan arus deras, selain sangkar bergerak dari bahagian hulu menghentam sangkar yang berada di hilir.

"Selain itu, bongkah atau tunggul kayu juga mampu merosakkan struktur sangkar sekiranya tidak diikat dengan kemas," katanya yang menternak ikan sangkar sejak 20 tahun lalu.

Difahamkan, terdapat seramai 27 peserta menternak ikan air tawar di kawasan itu dengan jumlah keseluruhan 250 buah sangkar.

Zakaria berkata, kerja-kerja mengikat sangkar sudah dilakukan sejak Ogos lalu dan kini hanya tinggal kerja-kerja akhir bagi memastikan struktur sangkar mampu menerima impak apabila berlaku banjir.

Menurutnya, dia pernah mengalami kerugian RM140,000 akibat banjir luar biasa Februari lalu.

Katanya, bagi mengu-



ZAKARIA melakukan kerja di atas sangkar ikan miliknya di Kampung Pantai Ali. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

PENTERNAK mengikat struktur sangkar bagi elak dihanyutkan arus deras.

rangkan kerugian. penternak menjual ikan yang sudah mencapai tahap berat namun bukan semua dapat dijual memandangkan pelbagai saiz ikan berada di dalam sangkar.

"Kebiasaannya ikan patin diternak antara lapan hingga 10 bulan, ikan talapia mengambil tempoh empat hingga lima bulan manakala ikan baung paling awal boleh dijual dalam tempoh se-

hanya enam bulan hingga dua tahun," katanya.

Peserta, Zulkifli Ismail, 56, berkata, dia juga mengambil langkah sama dengan mengikat struktur 12 sangkar ikan miliknya bagi mengelak daripada mengalami kerosakan akibat dihanyutkan arus deras.

"Saya sudah melakukan persiapan sejak Ogos dan September lalu kerana bimbang sangkar ikan saya akan

hanyut dan merosakkan kolam peserta lain.

"Banjir Februari lalu menyebabkan saya rugi kira-kira RM80,000 apabila ikan dalam lima kolam yang boleh dipasarkan mati selain dua kolam rosak," katanya.

Rakannya, Shamsudin Sa'id, 52, berkata, dia turut mengikat lapan sangkar kerana pada kejadian banjir lalu dia mengalami kerugian kira-kira RM65,000.